

## PENGGUNAAN BAHASA DALAM LAMAN BLOG DARI ASPEK MORFOLOGI (LANGUAGE USAGE IN BLOG FROM THE MORPHOLOGY ASPECT)

SITI NORSYAHIDA MOHD A RASHID\*, NOR AZUWAN YAAKOB DAN CHE IBRAHIM SALLEH

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia 43400, Serdang, Selangor.

\*Corresponding author: syahida\_rashid90@yahoo.com

**Abstrak:** Makalah ini merupakan suatu wahana perbincangan tentang kesalahan bahasa dalam laman blog dari aspek morfologi. Morfologi merupakan bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur kata, bentuk kata dan penggolongan kata. Laman blog ini berkisar kepada sosial masyarakat dengan menggunakan bahasa Melayu dalam penulisan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesalahan bahasa yang terdapat dalam penulisan blog dan untuk menghuraikan proses pembentukan kata khususnya dari aspek pengimbuhan kata nama, kata kerja, kata ganda, kata majmuk dan kata adjektif. Cara pengumpulan data ialah dengan mengambil 10 blog daripada laman web dari tahun 2011 hingga 2014. Data dianalisis dalam bentuk teks, iaitu tentang kesilapan bahasa yang dilakukan oleh penulis blog. Kajian mendapati bahawa terdapat kesilapan dalam penggunaan morfologi. Kesilapan penulisan meliputi aspek kata tunggal, kata terbitan, kata penggandaan, dan kata majmuk. Penyalahgunaan ini sekali gus menjadi satu cabaran terhadap bahasa Melayu terutamanya pejuang bahasa yang bertungkus-lumus dalam memartabatkan bahasa Melayu. Justeru adalah menjadi kepentingan dan kewajipan kita dalam memelihara bahasa Melayu dari kesalahan bahasa yang akan merosakkan bahasa itu sendiri.

Kata kunci: Kesalahan, morfologi, laman blog, bahasa Melayu, martabat.

**Abstract:** This article is a discussion of language errors of morphological aspects in blogs. Morphology is the field of language that studies the structure of word, form and classification of words. The blogs chosen were related to social community and the use of Malay language in writing. The objectives of the study were to identify the errors in the blog writing and to describe the process of word formation, especially from the aspect of augmentation of nouns, verbs, double, compound words and adjectives. The data were taken from 10 blogs; year 2011 to 2014. The data were analyzed based on the errors found in the blogs. Result shows that there were errors in the use of morphological aspect. Errors in writing cover a single word, derivatives, doubling word, and compound words. These errors thereby become a challenge to the Malay language, especially academicians who work tirelessly to uphold the Malay language. Therefore, it is important for us to conserve our language from crumbled.

Keywords: Error, morphology, blogs, Malay language, dignity.

### Pendahuluan

Sejak kebelakangan ini tahap penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan penulis blog semakin membimbangkan. Hal ini kerana bahasa Melayu yang digunakan dalam penulisan blog tidak menepati aspek morfologi yang sepatutnya diberi perhatian dan diutamakan. Sekiranya permasalahan ini tidak dibendung, kesalahan bahasa yang lebih besar akan berlaku dan akhirnya bahasa menjadi rosak (Nik Safiah Karim, 2003). Justeru itu, penggunaan bahasa yang betul mampu memartabatkan bahasa Melayu. Menurut Yahya Othman *et al.*, (2009), perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu tidak

ada titik noktah. Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu, usaha untuk meningkatkan martabat bahasa Melayu perlu dilaksanakan secara berterusan dengan perancangan yang agresif dan terarah.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji masalah bahasa dari aspek morfologi dalam penulisan blog. Kajian ini menekankan aspek kesalahan dari segi kata tunggal, kata terbitan, kata ganda, dan kata majmuk yang digunakan secara sewenang-wenangnya oleh penulis blog. Penggunaan bahasa yang betul sangat penting dan tidak seharusnya diabaikan. Hal ini kerana bahasa melambangkan bangsa dan

memperlihatkan jati diri masyarakatnya. Oleh itu, kajian tentang kesalahan penggunaan bahasa dari aspek morfologi dalam penulisan blog dikaji kerana timbulnya masalah kecelaruan bahasa yang menyebabkan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan menjadi rendah dan dipandang sepi. Hal ini kerana menurut Awang Sariyan (1996), bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu.

### Sorotan Kajian

Terdapat banyak kajian tentang kesalahan bahasa Melayu. Burt & Kiparsky (1972) telah mengklasifikasikan bahasa kepada kesilapan global dan kesilapan lokal. Kesilapan global adalah kesilapan yang boleh menimbulkan kekeliruan dan ketidakfahaman. Manakala kesilapan lokal pula adalah kesilapan bahasa yang menimbulkan kejanggalan. Hal ini menunjukkan bahawa kesilapan bahasa berlaku apabila masyarakat tidak memahami penggunaan bahasa dengan betul. Corder (1973), mengatakan bahawa dalam mempelajari bahasa, seseorang itu tidak dapat lari daripada melakukan kesalahan. Penggunaan konteks tidak formal dalam konteks formal inilah yang menyebabkan kesalahan berlaku. Oleh itu, masyarakat haruslah bijak dalam menggunakan bahasa Melayu mengikut konteks yang sesuai.

Awang Mohamad Amin (1989) menyatakan bahawa terdapat kesalahan bahasa yang berpunca daripada kekeliruan dan kekacauan. Keadaan ini berlaku kerana disebabkan terdapatnya variasi dalam sesuatu bahasa seperti bahasa pasar, bahasa daerah iaitu dialek, bahasa baku, bahasa slanga dan sebagainya. Abdullah Hassan (1989) menyatakan bahawa terdapat perbezaan antara kesalahan bahasa pertuturan dengan kesalahan dalam penulisan. Sesuatu penulisan biasanya menuntut tahap penggunaan bahasa yang betul atau tatabahasa yang sempurna. Oleh itu, penggunaan bentuk kata, dan seluruh pengungkapan tersebut perlu menggunakan strategi yang sama dalam bahasa tersebut.

Terdapat banyak kajian tentang bidang morfologi. Biasanya perbincangan tentang

morfologi bersandarkan bentuk dan fungsinya. Menurut Kamarudin Hj. Husin *et al.*, (1997), morfologi merupakan disiplin ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata. Bentuk kata ini merujuk bentuk bunyi atau ujaran sesuatu kata itu. Hal ini menunjukkan bahawa sesuatu bentuk bunyi itu haruslah menepati aspek struktur kata supaya ujaran yang dikeluarkan betul dan secara tidak langsung ayat yang dibina dalam penulisan juga betul.

Nik Safiah Karim *et al.*, (2004) berpendapat bahawa morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata. Struktur kata dimaksudkan sebagai susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang yang turut menjadi unit bahasa yang bermakna. Hal ini kerana setiap perkara yang ditulis mengandungi makna. Oleh itu, penulisan yang menepati aspek morfologi dapat difahami oleh pembaca. Sehubungan itu, Siti Hajar Abdul Aziz (1996) menyatakan bahawa morfologi merupakan satu cabang daripada ilmu linguistik yang mengkaji soal yang berkaitan dengan kemungkinan adanya perubahan kata, golongan kata, dan makna kata. Perubahan ini berlaku akibat daripada perubahan bentuk kata.

Menurut Bloomfield (1962), terdapat empat cara morfem sesuatu bahasa disusun, iaitu *order*, *modulation*, *phonetic modification* dan *selection*. Hanya dua iaitu, *order* dan *selection* mempunyai kaitan dengan binaan kata majmuk. Morfem dipilih dan diletakkan dalam urutan yang ditetapkan dan turutan ini mempunyai fungsi tatabahasa yang tersendiri. Oleh itu, pemilihan dan penyusunan morfem dalam suatu bahasa dapat memberi makna kepada bentuk bahasa tersebut.

Terdapat juga kajian tentang penulisan blog. Menurut Blood (2002), laman blog merupakan ruangan web yang menyediakan perkhidmatan untuk perkongsian jurnal peribadi kepada umum. Blog merupakan terma laman blog yang mempunyai pelbagai makna mengikut pendapat umum berdasarkan pelbagai isu atau topik penulisan. Normaliza Abd Rahim (2014) menyatakan bahawa blog dapat memberi peluang kepada pelajar untuk meluahkan

perasaan. Menurut Arbaie Sujud & Normaliza Abd Rahim (2013), blog merupakan diari dalam talian atau jurnal individu yang suka menulis. Blog juga dikatakan menjadi entri perniagaan bagi syarikat atau individu yang menjalankan perniagaan. Hal ini kerana penggunaan blog boleh dijadikan alat untuk menyiarkan iklan atau perniagaan secara meluas dan tidak dikenakan bayaran.

Gray (2014) menyatakan bahawa blog merupakan laman web yang terdiri daripada penulisan berita individu, seperti artikel-artikel dalam akhbar. Laman web ini memudahkan penyiaran berita di blog. Bagi penulisan blog, penulis blog perlu mengisi borang di pelayar web, seperti *google chrome* dan menekan satu butang klik. Justeru itu, program komputer akan menyiarkan kemasukan di bahagian atas laman blog. Dari masa ke masa, blog ini akan menjadi koleksi atau penulisan individu dalam susunan kronologi, diarkibkan untuk rujukan mudah. Manakala menurut Nina Amir (2012) & Normaliza Abd Rahim (2014), blog merupakan salah satu cara yang terbaik pada masa kini untuk membina platform penulisan mengenai perkara yang diingini oleh penulis. Blog dibaca oleh beribu-ribu orang setiap bulan sehingga mampu menarik hati penerbit atau menerbitkan penulisan secara tidak terkawal.

Kesimpulannya, kajian yang lepas telah banyak membantu pengkaji lain dalam menghasilkan kajian terkini mengenai morfologi. Kajian ini juga memudahkan pengkaji baharu melihat hasil kajian yang pernah dijalankan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan bagi melahirkan sebuah kajian yang mantap. Tambahan lagi, pengkaji dapat melihat dengan jelas dan dapat memahami penekanan yang perlu dibuat dalam kajian. Kajian ini juga menjadi lebih terarah dan berfokus kepada aspek morfologi sahaja.

### **Objektif**

- 1) Mengenal pasti kesalahan bahasa yang terdapat dalam penulisan blog oleh penulis blog kini.

- 2) Menghuraikan proses pembentukan kata yang sepatutnya dilakukan oleh penulis blog khususnya dari aspek pengimbuhan kata nama, kata kerja, kata ganda, kata majmuk dan kata adjektif.

### **Metodologi**

Hasil penyelidikan ini merupakan data atau pengumpulan maklumat yang berkaitan dengan penggunaan bahasa dalam laman blog dari aspek morfologi. Data yang diambil ialah data yang dianalisis secara tekstual. Oleh itu, bagi mendapatkan data terbaharu dan pengumpulan maklumat, pengkaji menjalankan kajian dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan pengambilan bahan kajian daripada internet. Kaedah kepustakaan bertujuan untuk melihat hasil kajian terdahulu tentang aspek morfologi dan kajian yang berkaitan dengan kajian ini. Dapatan maklumat dan permasalahan kajian terdahulu juga dilihat dan dikumpul. Hal ini bertujuan supaya pengkaji dapat memahami dengan lebih rinci mengenai tajuk kajian. Pengkaji mendapatkan bahan daripada laman blog dengan mengambil 10 artikel laman blog jenis sosial dan bersifat peribadi dengan bertujuan untuk melihat kesalahan yang terdapat dalam artikel yang dipilih. Blog ini dipilih dari tahun 2011 hingga tahun 2014. Pemilihan penulisan blog dipilih berdasarkan jumlah pengikut yang tinggi dan merupakan penulis blog yang terkenal. Blog yang dipilih ialah blog:

1. Tajuk : Kerana taksu, akidah gugur, 2011

Alamat blog : <http://kupukupukecik.blogspot.com/2011/03/kerana-taksu-akidah-gugur.html>

Nama penulis : Yuyu Zulaikha

Pengikut : 24,823 orang

2. Tips: Perkara yang korang patut amik tahu kalau nak pakai braces, 2011

Alamat blog : <http://honeykoyuki.blogspot.com/2011/01/tips-perkara-yang-korang-patut-amik.html>

- Nama penulis : Fatin Liyana  
 Pengikut : 57,189 orang
3. Tips untuk menjadi seseorang yang banyak ilmu / doa, 2011  
 Alamat blog : <http://kupukupukecik.blogspot.com/2011/07/tips-untuk-menjadi-seseorang-yang.html>  
 Nama penulis : Yuyu Zulaikha  
 Pengikut : 24,823 orang
4. Cara Rasulullah Menjaga Kesehatan Diri: 2012  
 Alamat blog : <http://akuislam.com/blog/fakta-menarik/cara-rasulullah-menjaga-kesehatan-diri/>  
 Nama penulis : Muhamad Naim  
 Pengikut : 130,375 orang
5. Teknologi membunuh! 2012  
 Alamat blog : <http://zackzukhairi.blogspot.com/2012/11/teknologi-yang-membunuh.html>  
 Nama penulis : Zack Zukhairi  
 Pengikut : 27,759 orang
6. The Labour Story: Mini Contractions, 2013  
 Alamat blog : <http://nameeroslan.blogspot.com/2013/12/the-labour-story-mini-contractions.html>  
 Nama penulis : Namee Roslan  
 Pengikut : 10,767 orang
7. Magazine, 2013  
 Alamat blog : <http://irinenadia.blogspot.com/search?updated-min=2013-01-h01T00:00:00%2B08:00&updated-max=2014-01-01T00:00:00%2B08:00&max-results=50>  
 Nama penulis: Irine Nadia  
 Pengikut : 33,396 orang
8. Tips Turun/Maintain Berat Badan, 2013  
 Alamat blog : <http://inibelogsaya.blogspot.com/2013/04/tips-turunmaintain-berat-badan.html>

- Nama penulis: Hanis Zalikha  
 Pengikut : 47,099 orang
9. Jeruk mangga asam boy, 2014  
 Alamat blog : <http://irinenadia.blogspot.com/2014/10/jeruk-mangga-asam-boy.html>  
 Nama penulis: Irine Nadia  
 Pengikut : 33,396 orang
10. Jannah, 2012  
 Alamat blog: <http://peliks.blogspot.com/2014/04/jannah.html>  
 Nama penulis: Maria Elena  
 Pengikut : 41,956 orang

Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori analisis kesalahan bahasa. Analisis kesalahan bahasa merupakan pengajaran bahasa yang mengkaji kesalahan bahasa yang dilakukan oleh seseorang. Kesalahan ini merupakan bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima sebagai baku. Kesalahan itu meliputi semua aspek, iaitu tatabahasa, ejaan, sebutan dan penggunaan istilah. Corder (1981) menyatakan bahawa terdapat perbezaan pengertian kesalahan bahasa berdasarkan sebab-sebabnya, iaitu keliru (*mistakes*), kesilapan (*lapses*) dan salah (*errors*). *Mistakes* merupakan penyimpangan pemakaian bahasa yang berlaku kerana penulis tidak menggunakan bahasa secara tepat. *Lapses* merupakan penyimpangan pemakaian bahasa yang berlaku kerana beralihnya topik perbincangan. *Errors* pula merupakan penyimpangan pemakaian bahasa dari struktur baku kerana pemakai belum menguasai kaedah bahasa.

Justeru itu, laman blog yang mengandungi kesalahan ini akan dikumpul sebagai data kajian. Setiap penulisan blog akan ditulis semula bagi melihat kesalahan yang terdapat dalam penulisan blog tersebut. Dalam proses penganalisan bahan kajian ini, buku Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga dijadikan sumber rujukan utama dalam menentukan jenis kesalahan yang dilakukan oleh sampel. Kesalahan bahasa ditentukan dengan merujuk kepada sistem yang telah

diterima umum dan mematuhi tatabahasa yang diguna pakai masa ini.

**Hasil Kajian**

***Bentuk kata tunggal***

Kata tunggal ialah perkataan yang tidak menerima sebarang imbuhan atau mengalami proses pembentukan kata seperti pengimbuhan, pemajmukan atau penggandaan. Kata tunggal ini boleh terdiri daripada satu suku kata atau lebih. Asmah Haji Omar (1986:17) menggunakan istilah kata *ekasuku* (satu suku kata), *dwisuku* dan *trisuku* untuk (tiga suku kata) untuk menghuraikan maksud yang sama.

Data 1

Kesalahan	Seharusnya
Hujan lebat <b>kat</b> Langkawi dari pagi membawa ke tengah hari terus ke petang dan sekarang dah malam.	Hujan lebat <b>di</b> Langkawi dari pagi membawa ke tengah hari terus ke petang dan sekarang dah malam.

<http://kukupukecik.blogspot.com/2011/03/kerana-taksub-akidah-gugur.html>

(Kerana taksub, akidah gugur, 2011)

Richards (1971) membahagikan kesilapan bahasa kepada tiga bahagian, iaitu kesilapan antara bahasa, kesilapan berkembang dan kesilapan dalam bahasa. Kesilapan dalam bahasa timbul akibat daripada proses generalisasi yang melampau dengan bahasa sasaran, kejahilan tentang peraturan bahasa, penggunaan peraturan bahasa secara tidak sempurna serta membuat andaian yang salah terhadap konsep bahasa. Justeru itu (data 1), kesilapan yang dapat dikesan dalam ayat ialah penggunaan kata *kat* yang membawa perkataan *dekat* yang telah dipendekkan. Kata *dekat* merupakan golongan kata adjektif jarak. Hal ini menunjukkan penggunaan kata adjektif *dekat* yang telah dipendekkan dalam ayat menyebabkan berlakunya kesalahan kata tunggal. Penggunaan kata sendi nama *di* sesuai digunakan dalam ayat kerana penggunaan tersebut merujuk kepada tempat dan ruang konkrit (Tatabahasa Dewan Edisi Baharu, 2011: 256).

Data 2

Kesalahan	Seharusnya
Aku <b>taknak</b> cerita pasal <i>scientific fact</i> .	Aku <b>bukan hendak</b> cerita pasal <i>scientific fact</i> .

<http://honeykoyuki.blogspot.com/2011/01/tips-perkara-yang-korang-patut-amik.html>

(Tips : Perkara yang korang patut amik tahu kalau nak pakai braces, 2011)

Nik Safiah Karim (1978), mengatakan bahawa penggunaan bahasa amnya dan penggunaan ejaan khususnya yang tidak berdasarkan peraturan dan sistem bahasa dianggap sebagai kesilapan. Walau bagaimanapun, kesilapan bahasa boleh dilakukan sekiranya bahasa itu digunakan secara tidak formal. Justeru itu (data 2), kesalahan ayat di atas ialah kesalahan penggunaan kata ringkas. Perkataan *taknak* selalu digunakan dalam menyatakan *tidak* dan *hendak* kepada sesuatu perkara. Kata nafi ialah unsur yang menyatakan maksud nafi atau negatif kepada unsur utama dalam predikat. Terdapat dua bentuk kata nafi, iaitu *tidak* dan *bukan*. Kata nafi *tidak* boleh hadir bagi menafikan maksud frasa kerja dan frasa adjektif. Manakala, kata nafi *bukan* hadir menafikan maksud frasa kerja dan frasa adjektif. Kata *hendak* terdiri daripada kata kerja (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga: 494).

Data 3

Kesalahan	Seharusnya
Pakai braces sebab ada gigi taring yang <b>tak</b> align (gambar kanan 2008).	Pakai braces sebab ada gigi taring yang <b>tidak</b> align (gambar kanan 2008).

<http://honeykoyuki.blogspot.com/2011/01/tips-perkara-yang-korang-patut-amik.html>

(Tips : Perkara yang korang patut amik tahu kalau nak pakai braces, 2011)

Awang Sariyan (1980) mengatakan bahawa kesilapan dalam bahasa berlaku sekiranya bahasa itu tidak mengikut peraturan dan sistemnya. Kesilapan bahasa dikatakan berlaku sama ada dari segi penggunaan bahasa atau penggunaan

ejaan. Walau bagaimanapun kesilapan bahasa dikecualikan sekiranya bahasa itu digunakan secara tidak formal. Dalam ayat tersebut (data 3) dapat dilihat penggunaan bahasa pasar dalam ayat iaitu perkataan *tak*. Sepatutnya kata nafi *tidak* haruslah ditulis kerana ayat ini kerana terdiri daripada ayat penyata. Hal ini kerana kata nafi mempunyai dua bentuk, iaitu *tidak* dan *bukan*. Perkataan *tak* tidak terdapat dalam ayat penyata (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga: 493).

Data 4

Kesalahan	Seharusnya
Alhamdulillah, semuanya berjalan dengan lancar walaupun ada <i>term term</i> yang buat kepala <b>tak</b> henti berpusing.	Alhamdulillah, semuanya berjalan dengan lancar walaupun ada <i>term term</i> yang buat kepala <b>tidak</b> henti berpusing.

<http://kupukupukecik.blogspot.com/2011/07/tips-untuk-menjadi-seseorang-yang.html>

(Tips untuk menjadi seseorang yang banyak ilmu / doa, 2011)

Menurut Koh Boh Boon (1981), kemahiran mengeja adalah antara perkara asas yang didedahkan kepada 15 pelajar sejak awal lagi. Walau bagaimanapun, dari segi realiti sejumlah besar pelajar sering melakukan berbagai-bagai kesalahan ejaan semasa menulis. Kesalahan penggunaan ejaan dan tanda baca adalah disebabkan oleh ketidakfahaman konsep bahasa tersebut. Kegagalan menguasai perkara asas aspek bahasa dalam penulisan akan memberi kesan negatif terhadap pelajar. Kesalahan yang terdapat dalam ayat (data 4) ialah perkataan *tak* yang sepatutnya ditulis secara penuh, iaitu *tidak*. Perkataan *tak* yang digunakan dalam ayat ialah merupakan kata singkatan. Kata nafi mempunyai dua bentuk, iaitu *tidak* dan *bukan*. Perkataan *tak* tidak terdapat dalam ayat penyata (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga: 493).

Data 5

Kesalahan	Seharusnya
Sebagai seorang pelajar, <b>tak kisah la</b> kalau bukan pelajar sekalipun, asalkan kepada sesiapa yang terasa diri masih kurang dengan ilmu.	Sebagai seorang pelajar, <b>tidak kisahlah</b> kalau bukan pelajar sekalipun, asalkan kepada sesiapa yang terasa diri masih kurang dengan ilmu.

<http://kupukupukecik.blogspot.com/2011/07/tips-untuk-menjadi-seseorang-yang.html>

(Tips untuk menjadi seseorang yang banyak ilmu / doa, 2011)

Menurut Nawi Ismail (1996), makna sesuatu perkataan boleh berubah apabila berlaku kesilapan ejaan. Dalam konteks peperiksaan, markah yang diperoleh oleh pelajar khususnya mata pelajaran bahasa Melayu, pasti akan berkurangan sekiranya pelajar berkenaan gagal menguasai aspek ejaan. Justeru, kesalahan dalam ayat ialah penggunaan kata singkatan *tak*. Hal ini menunjukkan bahawa penulis menjadikan satu kesalahan itu sebagai satu kebiasaan di dalam laman blognya. Hal ini kerana kata nafi mempunyai dua bentuk, iaitu *tidak* dan *bukan*. Perkataan *tak* tidak terdapat dalam ayat penyata (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga : 493). Selain itu, kesalahan perkataan (data 5) *kisah la* merujuk kepada kata penegas *-lah*. Kata penegas juga disebut sebagai kata partikel atau kata penyerta. Kata penegas membawa maksud sejumlah perkataan yang memberikan penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat. Kata penegas haruslah ditulis secara rapat kerana bertujuan untuk menegaskan frasa predikat (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga: 261).

Data 6

Kesalahan	Seharusnya
Dah dah, harap entry simple <b>kemain</b> ini, dapat bagi banyak manfaat kepada semua orang.	Dah dah, harap entry simple <b>bukan main</b> ini, dapat bagi banyak manfaat kepada semua orang.

<http://kupukupukecik.blogspot.com/2011/07/tips-untuk-menjadi-seseorang-yang.html>

(Tips untuk menjadi seseorang yang banyak ilmu / doa, 2011)

Corder (1973) mengkategorikan empat kesalahan yang dilakukan oleh pelajar, iaitu pengguguran unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak tepat, pemilihan unsur yang tidak tepat dan penyusunan unsur yang salah. Walau bagaimanapun, menurutnya lagi, kategori-kategori tersebut belum mencukupi untuk menjelaskan kesalahan. Oleh itu, kesalahan bagi peringkat-peringkat linguistik seperti morfologi, sintaksis dan leksikon haruslah ditunjukkan. Kesalahan (data 6) yang terdapat dalam ayat di atas ialah perkataan *kemain* yang digabungkan mengikut sesedap bunyi. Perkataan *kemain* sepatutnya ditulis *bukan main*. Hal ini kerana *bukan* dan *main* haruslah berdiri sendiri tanpa digabung kerana perkataan ini terdiri daripada kata tunggal. *Kemain* haruslah digantikan dengan *bukan main* kerana kata nafi yang sesuai digunakan dalam ayat menunjukkan kata nafi *bukan* yang perlu hadir bagi menafikan maksud frasa kerja (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga: 494).

## Data 7

Kesalahan	Seharusnya
Mari kita bertanya kepada iman yang kita berbekal senipis kulit bawang <i>tu</i> , adakah Allah yang Maha Adil <i>tu</i> tidak adil?	Mari kita bertanya kepada iman yang kita berbekal senipis kulit bawang <i>itu</i> , adakah Allah yang Maha Adil <i>itu</i> tidak adil?

<http://kupukupukecik.blogspot.com/2011/03/kerana-taksub-akidah-gugur.html>

(Kerana taksub, akidah gugur, 2011)

Menurut Erdogen (2005), kesalahan bahasa boleh terdiri daripada pelbagai jenis termasuklah kesalahan fonem, morfem, kata, ayat, malah perenggan. Kesalahan ini berlaku apabila penulisan seseorang itu tidak menepati sistem dan peraturan bahasa. Justeru itu (data 7), dalam ayat di atas terdapat kesalahan jenis kata tunggal *tu* yang seharusnya ditulis *itu*. Penggunaan *tu* boleh digunakan dalam perbualan manakala dalam ayat penyata ianya berlawanan dengan disiplin yang terkandung dalam ayat tunggal. Hal ini kerana kata tunggal merupakan unit yang bebas dan dapat berdiri sendiri sebagai satu ayat (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2011:47).

## Data 8

Kesalahan	Seharusnya
Makan sedikit tapi banyak kali. Namun kalau <i>kat restaurant</i> yang mana makanannya <i>portion</i> besar, hmm memang terpaksa habiskan.	Makan sedikit tapi banyak kali. Namun kalau <i>di restaurant</i> yang mana makanannya <i>portion</i> besar, hmm memang terpaksa habiskan.

<http://inibelogsaya.blogspot.com/2013/04/tips-turunmaintain-berat-badan.html>

(Tips Turun/Maintain Berat Badan April 2, 2013)

Menurut Corder (1973:259), kesalahan didefinisikan sebagai bentuk bahasa yang menyimpang daripada segi nahu. Kesalahan bahasa juga berlaku apabila terdapat penyalahgunaan kod atau peraturan sesuatu bahasa. Dalam bidang analisis kesalahan ini, terdapat tiga istilah yang lazim digunakan, iaitu kesalahan, kesilapan dan lupaan sementara (*lapse*). Ketiga-tiga istilah ini sering ditukar ganti pemakaiannya kerana pengertiannya hampir sama. Justeru itu (data 8), kesalahan dalam ayat di atas ialah kesalahan penggunaan kata *kat* yang membawa perkataan *dekat* yang telah dipendekkan. Kata *dekat* merupakan golongan kata adjektif jarak. Hal ini menunjukkan penggunaan kata adjektif *dekat* yang telah dipendekkan dalam ayat menyebabkan berlakunya kesalahan kata tunggal. Penggunaan kata sendi nama *di* sesuai digunakan dalam ayat kerana penggunaan tersebut merujuk kepada tempat dan ruang konkrit (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2011:256).

## Data 9

Kesalahan	Seharusnya
Kepada yang masih teringin <i>nak</i> tambahkan ilmu mari hayati ye, Ustazah JeLo Zulaikha nak kongsi hari <i>ni</i> pasal ilmu kepada Siti, Munah, dan Jenab.	Kepada yang masih teringin <i>hendak</i> tambahkan ilmu mari hayati ye, Ustazah JeLo Zulaikha nak kongsi hari <i>ini</i> pasal ilmu kepada Siti, Munah, dan Jenab.

<http://kupukupukecik.blogspot.com/2011/07/tips-untuk-menjadi-seseorang-yang.html>

(Tips untuk menjadi seseorang yang banyak ilmu / doa, 2011)

Menurut Corder (1981:10), kesilapan (*mistakes*) tidak mempunyai signifikan ke atas proses pembelajaran bahasa sebaliknya kesalahan (*errors*) yang dilakukan oleh pelajar memberikan bukti terhadap sistem bahasa yang digunakan oleh pelajar pada masa yang tertentu. Manakala bagi pengkaji bahasa akan menunjukkan bukti penggunaan bahasa diperoleh dan cara penggunaan bahasa yang betul serta strategi yang digunakan. Justeru itu, kesalahan yang terdapat dalam ayat ialah perkataan *nak* hendaklah ditulis *hendak*. Sementara perkataan *ni* ditulis *ini*. Hal ini kerana penggunaan kata tunggal haruslah ditulis dengan lengkap dalam ayat penyata. Kata tunggal ialah bentuk kata yang terdiri daripada bentuk kata dasar tanpa menerima apa-apa bentuk imbuhan. Kata tunggal merupakan unit bebas dan dapat berdiri sendiri (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2011:47). Sementara (data 9), perkataan *nak* merupakan perkataan *hendak* yang diringkaskan. *Hendak* terdiri daripada kata bantu ragam yang berperanan untuk menyatakan atau menerangkan ragam atau suasana perasaan yang berhubung dengan perbuatan yang dilakukan. Bentuk kata bantu ragam ialah *hendak, mahu, harus, mesti, boleh, dapat, enggan, patut, dan mungkin* (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2011:256).

Data 10

Kesalahan	Seharusnya
Maksudnya jagalah pemakanan anda. Salah <b>bila</b> ada gunakan 'saya sedang berdiet'.	Maksudnya jagalah pemakanan anda. Salah <b>sekiranya</b> ada gunakan 'saya sedang berdiet'.

<http://inibelogsaya.blogspot.com/2013/04/tips-turunmaintain-berat-badan.html>

(Tips Turun/Maintain Berat Badan April 2, 2013)

Tarigan (2011) mengatakan bahawa istilah kesalahan berasal dari bahasa Inggeris “*errors*”, iaitu bersinonim dengan “*mistakes*” dan “*goofs*”. Kesalahan bahasa berlaku tanpa sama ada dalam bahasa pertama (B1) atau bahasa kedua (B2). Kesalahan bahasa berlaku kerana tidak mengikut sistem bahasa itu sendiri. Justeru itu, dalam ayat di atas terdapat kesalahan penggunaan kata

tanya dalam ayat penyata. Menurut Tatabahasa Dewan (2011:255), kata tanya bermaksud perkataan yang digunakan untuk menanyakan sesuatu, contohnya *mengapa, berapa, bila* dan *bagaimana* (data 10). Kata tanya hadir dalam ayat sebagai sebahagian daripada predikat. Sekiranya kata tanya dikedepankan, maka kata tanya itu hendaklah disertai partikel *-kah*. Sementara itu, Kamus Linguistik (1997:120) mentakrifkan kata tanya sebagai kata yang digunakan sebagai penanda ayat tanya.

Data 11

Kesalahan	Seharusnya
Dari segi size dan ketebalan buah nak potong tu ikut suka hati <b>kau lah</b> . Macam aku suka makan tebal2 panjang gini.	Dari segi size dan ketebalan buah nak potong tu ikut suka hati <b>kaulah</b> . Macam aku suka makan tebal2 panjang gini.

<http://irinenadia.blogspot.com/2014/10/jeruk-mangga-asam-boy.html>

(Jeruk mangga asam boy, 2014)

Menurut Abdul Ghalib (1995), kesalahan bahasa ditakrifkan sebagai bentuk bahasa yang tidak mematuhi rumus atau hukum tatabahasa yang telah mempunyai sistemnya tersendiri. Dalam erti kata lain, kesalahan bahasa ialah bentuk bahasa yang menyimpang daripada bentuk dan peraturan bahasa baku. Kesalahan bahasa sering dilakukan oleh individu sama ada secara lisan atau tulisan. Kesalahan dalam ayat di atas (data 11) ialah kesalahan penggunaan kata penegas. Kata penegas yang disebut sebagai partikel merupakan sejumlah perkataan yang memberikan penekanan pada bahagian tertentu dalam ayat. Kata partikel *-lah* haruslah dicantumkan dengan kata dasar. Oleh itu, perkataan *kau lah* haruslah ditulis secara rapat, iaitu *kaulah* (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2011:61).



Data 12

Kesalahan	Seharusnya
.. <i>sempat lah</i> bangun solat malam kejap and yassin.	.. <i>sempatlah</i> bangun solat malam kejap and yassin.

<http://nameeroslan.blogspot.com/2013/12/01/archive.html>

(The Labour Story : Mini Contractions, 2013)

Menurut Awang Had Salleh (1981), kesalahan bahasa ialah penggunaan bahasa yang salah dari segi tatabahasanya. Justeru itu, penggunaan bahasa yang betul haruslah diberi perhatian supaya kesalahan bahasa tidak berlaku secara sewenang-wenangnya. Kesalahan dalam ayat di atas ialah kesalahan penggunaan kata penegas. Kata penegas yang disebut sebagai partikel merupakan sejumlah perkataan yang memberikan penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat. Kata partikel *-lah* haruslah dicantumkan dengan kata dasar. Oleh itu (data 12), perkataan *sempat lah* haruslah ditulis secara rapat, iaitu *sempatlah* (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2011:261).

Data 13

Kesalahan	Seharusnya
orang yang fitnah kitalah kena jahanam nanti. <i>tapi</i> , kita yang bagi diorang <i>the reason to</i> fitnah, <i>then</i> kita pun kira cari pasal kan.	orang yang fitnah kitalah kena jahanam nanti. <i>tetapi</i> , kita yang bagi diorang <i>the reason to</i> fitnah, <i>then</i> kita pun kira cari pasalkan.

<http://peliks.blogspot.com/2014/04/jannah.html>

(Jannah, 2014)

Nik Safiah Karim (1980:10) berpendapat bahawa kesalahan bahasa ditakrifkan sebagai penggunaan bahasa yang melanggar peraturan bahasa. Peraturan bahasa ini telah menjadi satu disiplin yang harus dipatuhi penuturnya. Peraturan bahasa juga telah mendapat persetujuan sama ada peringkat sebutan, pilihan kata atau susunan frasa dalam ayat. Justeru itu (data 13), kesalahan dalam ayat di atas ialah kesalahan ejaan *tapi*. Tapi merujuk kepada kata *tetapi*. *Tetapi* merupakan kata hubung gabungan. Kata hubung gabungan ialah kata yang menghubungkan dua klausa atau lebih, iaitu

yang sama tara sifatnya. Contoh kata hubung gabungan ialah *dan, atau, tetapi, serta, lalu, malahan, sambil* dan *kemudian*. Tidak terdapat perkataan *tapi* dalam kata hubung gabungan (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2011:251).

**Bentuk kata terbitan**

Kata terbitan ialah perkataan yang terbentuk melalui proses pengimbuhan, iaitu dengan menggandingkan imbuhan pada kata dasar. Merujuk kepada kedudukannya dengan kata dasar, imbuhan terbahagi kepada empat jenis iaitu :

- (i) Awalan, yang hadir sebelum kata dasar.  
Kata adjektif : *peN-, peR-, pe-, ke-, juru-, maha-, dan tata*  
Kata kerja : *meN-, beR-, ter-* dan *di-*
- (ii) Akhiran, yang hadir sesudah kata dasar.  
Kata nama : *-an, -wan, -wati,* dan sebagainya.  
Kata kerja : *-kan* dan *-i*.
- (iii) Apitan yang hadir secara mengapit kata dasar, iaitu di awal dan akhir kata dasar.  
Kata nama : *peN-...-an, ke-...-an, pe-...an,* dan *peR-...-an*  
Kata kerja : *meN-...-kan, beR-...-kan, meN-...-kan, meN-...-i,* dan *mempere-...-kan*
- (iv) Sisipan, yang hadir di celahan kata dasar.  
( Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2011:48)

Data 14

Kesalahan	Seharusnya
satu kelas Pengajian Islam semester lepas yuyu bersama Ustaz Faisal ada <b>membincang</b> kan mengenai hal hal yang dapat <b>batal kan</b> akidah kita ni.	satu kelas Pengajian Islam semester lepas yuyu bersama Ustaz Faisal ada <b>membincang</b> kan mengenai hal hal yang dapat <b>membatalkan</b> akidah kita ni.

<http://kukupukecik.blogspot.com/2011/03/kerana-taksub-akidah-gugur.html>

(Kerana Taksub, Akidah Gugur, 2011)

Mohd. Daud Yusuf (1990) telah menggariskan perbezaan antara kecekapan (*competence*) dengan perlakuan (*performance*), serta memperlihatkan pertalian antara kedua-duanya. Tambahnya lagi, seorang penutur asli sesuatu bahasa diandaikan mempunyai pengetahuan yang cukup tentang rumus-rumus dan sistem bahasa ibundanya tetapi mereka masih mengeluarkan ujaran yang tidak gramatis. Justeru itu (data 14), kesalahan ayat terbitan dalam ayat di atas ialah perkataan *membincang kan* dan *batal kan*. Kata terbitan haruslah dieja secara rapat. Hal ini kerana kata apitan kata *mem-...-kan* haruslah dieja secara bercantum. Perkataan *batal kan* juga seharusnya diganti dengan kata terbitan *mem-...-kan*, iaitu *membatalkan* untuk menjadikan ayat lebih gramatis. Ejaan *membatalkan* juga harus dieja dengan rapat setelah menerima kata terbitan apitan (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2011:70).

Data 15

Kesalahan	Seharusnya
Sedikit tips untuk memohon supaya di tambah ilmu ialah dengan mengamalkan dan <i>menhayati</i> ayat ini.	Sedikit tips untuk memohon supaya di tambah ilmu ialah dengan mengamalkan dan <i>menghayati</i> ayat ini.

<http://kukupukecik.blogspot.com/2011/07/tips-untuk-menjadi-seseorang-yang.html>

(Tips untuk menjadi seseorang yang banyak ilmu / doa, 2011)

Menurut Sharma (1981:21) pula, kesilapan bahasa boleh dikategorikan kepada tiga jenis. Pertama, kesilapan bahasa yang selalu disebut sebagai *error* atau *lapse* dalam bahasa pertama. Kesilapan jenis ini disebabkan oleh beberapa faktor *extralinguistic* seperti lupa, gangguan emosi, kelalaian dalam proses penerimaan pengajaran dan kurang latihan. Kedua, kerana wujudnya kelainan dalam penggunaan sesuatu bahasa sama ada dari segi penggunaan aspek kata ataupun aspek penggunaan ayat. Ketiga, ialah kesilapan bahasa yang berkaitan dengan faktor sosiolinguistik, seperti penggunaan laras bahasa dan dialek. Justeru itu, kesalahan yang terdapat dalam ayat ialah *menhayati* tidak sesuai digunakan kerana tidak membawa maksud yang

sebenar. Perkataan *menhayati* merupakan kata terbitan berapitan. Kata terbitan apitan wujud dalam kata nama terbitan, kata kerja terbitan dan kata adjektif apitan. Perkataan *hayat* (data 15) terdiri daripada kata adjektif. Imbuan yang sepatutnya digunakan ialah imbuan awalan *meng-* iaitu membawa perkataan *menghayati*. Hal ini kerana tiada kata terbitan apitan *men-...-i* (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga: 71).

Data 16

Kesalahan	Seharusnya
“Mandi pada hari Jumaat adalah sangat dituntut bagi setiap orang dewasa. Demikian pula menggosok gigi dan <i>pemakai</i> harum-haruman.” (HR. Muslim).	“Mandi pada hari Jumaat adalah sangat dituntut bagi setiap orang dewasa. Demikian pula menggosok gigi dan <i>memakai</i> harum-haruman.” (HR. Muslim).

<http://akuislam.com/blog/fakta-menarik/cara-rasulullah-menjaga-kesihatan-diri>

(Cara Rasulullah Menjaga Kesihatan Diri: 2012)

Tarigan (2011:67) mengatakan bahawa terdapat dua bahagian yang membezakan kesalahan bahasa, iaitu kesalahan dan kekeliruan. Istilah kesalahan (*errors*) dan kekeliruan (*mistakes*) dalam pengajaran bahasa dibezakan, iaitu dalam penyimpangan dalam pemakaian bahasa. Walaupun dua bahagian ini berbeza, kesalahan bahasa tetap berlaku kerana penulisan yang dilakukan tidak menepati aspek tatabahasanya. Justeru itu, dalam ayat di atas terdapat kesalahan penggunaan perkataan *pemakai* harum-haruman. Sepatutnya (data 16), perkataan *pemakai* menggunakan imbuan awalan *me-* bukannya kata imbuan awalan *pe-*. Hal ini kerana *pemakai* merujuk kepada orang yang memakai sedangkan dalam ayat menunjukkan cara seseorang sedang memakai minyak wangi. Perkataan *memakai* sesuai dalam ayat tersebut. Hal ini kerana menurut Ramlan (1987) proses hilang fonem berlaku dalam proses morfofonemik. Fonem-fonem /p, t, s, k/ pada awal morfem hilang kerana pertemuan morfem *men-* dan *pen-* dengan bentuk dasar yang berawal dengan fonem-fonem itu.

Data 17

Kesalahan	Seharusnya
Kemudian membaca Ta'awwudz kerana marah itu daripada syaitan, segera mengambil wudhu' dan solat dua rakaat bagi mendapat ketenangan serta <b>menghilang kan</b> gundah di hati.	Kemudian membaca Ta'awwudz kerana marah itu daripada syaitan, segera mengambil wudhu' dan solat dua rakaat bagi mendapat ketenangan serta <b>menghilangkan</b> gundah di hati.

<http://akuislam.com/blog/fakta-menarik/cara-rasulullah-menjaga-kesihatan-diri>

(Cara Rasulullah Menjaga Kesehatan Diri : 2012)

Corder (1973) mengatakan bahawa kesilapan atau kesalahan bahasa berlaku kerana terdapat penyimpangan dalam sistem atau peraturan bahasa. Beliau cuba membezakan kesilapan prasistematik dan postsistematik dengan berdasarkan kepada kebolehan pelajar mengenal pasti pembedaan dan menjelaskan sebab berlakunya kesilapan bahasa. Hal ini kerana beliau beranggapan bahawa pelajar tidak menyedari peraturan dan sistem dalam bahasa tersebut, iaitu pada peringkat prasistematik, maka penyelesaian bahasa tidak dapat dilakukan. Justeru itu (data 17), kesalahan yang terdapat dalam ayat ialah penggunaan kata terbitan apitan *menghilang kan*. Kata terbitan ini haruslah ditulis secara rapat iaitu *menghilangkan*. Hal ini kerana tidak ada kata terbitan yang terbentuk dalam keadaan jarak. Kata terbitan apitan wujud dalam kata nama terbitan, kata kerja terbitan dan kata adjektif apitan (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga:70).

Data 18

Kesalahan	Seharusnya
Sikap optimis memberikan kesan emosional yang mendalam bagi kelapangan jiwa selain perlu <b>banyakkan</b> sabar, istiqamah, bekerja keras serta tawakkal kepada Allah SWT	Sikap optimis memberikan kesan emosional yang mendalam bagi kelapangan jiwa selain perlu <b>memperbanyakkan</b> sabar, istiqamah, bekerja keras serta tawakkal kepada Allah SWT

<http://akuislam.com/blog/fakta-menarik/cara-rasulullah-menjaga-kesihatan-diri>

(Cara Rasulullah Menjaga Kesehatan Diri: 2012)

Jais Sahok (1991) menyatakan bahawa kesalahan bahasa diertikan sebagai penggunaan bahasa yang tidak wajar dari segi tempat dan status yang diberikan kepadanya dalam kajiannya yang bertajuk “Menguasai Sistem Jamak dalam Bahasa Melayu”. Kesalahan penggunaan kata terbitan (data 18) *banyakkan* dalam ayat haruslah menggunakan imbuhan *memper-...-kan* bagi membentuk perkataan *memperbanyakkan* yang lebih gramatis dalam penggunaan ayat tersebut. Hal ini kerana perkataan *banyak* merupakan kata adjektif. Penggunaan kata terbitan akhiran hanya merujuk kepada kata nama dan kata kerja. Sementara, kata adjektif hanya menggunakan terbitan awal kata. Justeru itu, perkataan *memperbanyakkan* lebih gramatik kerana kata adjektif wujud dalam kata terbitan apitan (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga:71).

Data 19

Kesalahan	Seharusnya
tak semua benda perlu diteknologikan. Ada benda yang mungkin lu patut <b>kekal kan</b> sebagai tradisi.	tak semua benda perlu diteknologikan. Ada benda yang mungkin lu patut <b>kekalkan</b> sebagai tradisi.

<http://zackzukhairi.blogspot.com/2012/11/teknologi-yang-membunuh.html>

(Teknologi membunuh: 2012)

Webber (1981) menyatakan bahawa kesalahan bahasa boleh berlaku disebabkan oleh

kekeliruan atau ketidakmampuan seseorang pengguna bahasa untuk menguasai bahasa yang dipelajarinya. Dengan perkataan lain, pengguna bahasa berkenaan keliru atau tidak mampu memahami penggunaan aspek-aspek tertentu dalam bahasa yang digunakan. Kesalahan yang terdapat dalam ayat (data 19) ialah penggunaan kata terbitan akhiran *-an*, iaitu *kekal kan* yang ditulis secara terpisah. Kata terbitan ini haruslah ditulis secara rapat, iaitu *kekalkan* kerana akhiran *-an*, apabila bergabung dengan kata dasar daripada golongan kata nama atau kata kerja tertentu, membawa makna kerja atau perkara atau hasil daripada maksud yang terkandung dalam kata dasar (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga: 117).

Data 20

Kesalahan	Seharusnya
Tu semua bukan makanan <b>pengenyang</b> , tapi makanan untuk menghilangkan rasa-rasa loya.	Tu semua bukan makanan <b>yang mengenyangkan</b> , tapi makanan untuk menghilangkan rasa-rasa loya.

<http://irinenadia.blogspot.com/2014/10/jeruk-mangga-asam-boy.html>

(Jeruk mangga asam boy, 2014)

Menurut Corder (1981), lupa sementara (*lapse*) merupakan kesalahan bahasa yang sering dilakukan oleh seseorang. Lupa sementara didefinisikan sebagai bentuk kesalahan yang wujud akibat gangguan psikologi, seperti perasaan marah, takut, lalai, terburu-buru dan sebagainya. Justeru itu (data 20), dalam ayat di atas jenis kesalahan yang dilakukan ialah kesalahan penggunaan kata terbitan *pengenyang*. Seharusnya kata awalan *peng-* diganti dengan kata terbitan apitan *me-...kan*. Perkataan *pengenyang* tidak terdapat dalam kamus dewan tetapi perkataan *kenyang* boleh menerima kata terbitan apitan bagi menjadikan ayat lebih gramatis. Tambahan lagi, penggunaan kata hubung pancangan relatif *yang* juga perlu digunakan bagi menghubungkan klausa utama dengan klausa kecil yang lain (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2011:252).

Data 21

Kesalahan	Seharusnya
Jalan penyelesaian dia? pangku dia susu sambil ibu dia tengah dok <i>make up</i> . <b>mencabar kan?</b>	Jalan penyelesaian dia? pangku dia susu sambil ibu dia tengah dok <i>make up</i> . <b>mencabarkan?</b>

<http://irinenadia.blogspot.com/search?updated-min=2013-01-01T00:00:00%2B08:00&updated-max=2014-01-01T00:00:00%2B08:00&max-results=50>

(Magazine, 2013)

Sharma (1981) menyatakan bahawa lupa merupakan salah satu kesilapan dalam bahasa. Hal ini kerana penulis memandang remeh terhadap penulisan bahasa yang betul. Lupa sementara ini disebabkan oleh beberapa faktor di luar linguistik, contohnya terlupa, gangguan emosi, lalai dalam proses penerimaan dalam pembelajaran dan kurang latihan. Justeru itu, (data 21) kesalahan yang terdapat dalam ayat ialah penggunaan kata terbitan apitan *mencabar kan*. Kata terbitan ini haruslah ditulis secara rapat iaitu *mencabarkan*. Hal ini kerana tidak ada kata terbitan yang terbentuk dalam keadaan jarak. Kata terbitan apitan wujud dalam kata nama terbitan, kata kerja terbitan dan kata adjektif apitan (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga: 70).

**Bentuk kata majmuk**

Kata majmuk ialah perkataan yang dibentuk dengan merangkaikan beberapa kata dasar, dan bentuk yang terhasil membawa makna tertentu, dieja terpisah dan bertindak sebagai satu unit. Menurut Abdullah Hassan (1987), pemajmukan ialah proses yang merangkaikan dua kata dasar atau lebih dan bentuk yang terhasil membawa makna yang tertentu. Pemajmukan ini terbahagi kepada tiga iaitu gabungan tulen, peleburan fonem, dan suku kata dan perkataan yang digabungkan tetapi ditulis terpisah. Terdapat tiga kelompok dapat dijelaskan:

- 1) Kata majmuk yang terdiri daripada rangkai kata bebas seperti *nasi minyak*, *jam tangan*, *sarung kaki* dan sebagainya.

- 2) Kata majmuk yang berbentuk dari istilah khusus seperti *hak milik*, *garis pusat* dan sebagainya.
- 3) Kata majmuk yang mendukung makna kiasan seperti *kaki ayam*, *hati kering*, *batu api* dan sebagainya.

Data 22

Kesalahan	Seharusnya
Ibu dia je <i>overtime</i> lebih. Yelahh, sekarang waktu tak menentu. Sebab tu laa blog ni makin <b>dianak tirikan</b> .	Ibu dia je <i>overtime</i> lebih. Yelahh, sekarang waktu tak menentu. Sebab tu laa blog ni makin <b>dianaktirikan</b> .

<http://irinenadia.blogspot.com/search?updated-min=2013-01-01T00:00:00%2B08:00&updated-max=2014-01-01T00:00:00%2B08:00&max-results=50>

(Magazine, 2013)

Mohd. Daud Yusuf (1990) yang memetik pendapat Robert Lado tentang kesilapan dan kesalahan bahasa, iaitu kesalahan biasanya dibuat oleh orang-orang yang tidak dapat menguasai sepenuhnya struktur-struktur tatabahasa. Kesalahan biasanya dilakukan oleh orang yang mencuba mempelajari bahasa. Kesilapan pula biasanya dilakukan oleh penutur asli bahasa itu sendiri. Dengan kata lain, seseorang penutur asli gagal menggunakan sistem-sistem dan rumus bahasa dengan betul. Justeru itu (data 22), kesalahan dalam ayat di atas ialah kesalahan penggunaan kata majmuk *dianak tirikan*. Kata dasarnya, iaitu *anak tiri* merupakan kata majmuk yang dieja terpisah. Namun, kata tersebut akan berubah bentuk apabila digunakan bersama-sama imbuhan. Kata majmuk terpisah akan dieja secara rapat atau bercantum setelah menerima imbuhan apitan (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2011:135). Justeru, ejaan yang betul bagi ejaan *dianak tirikan* ialah *dianaktirikan*.

Data 23

Kesalahan	Seharusnya
Sebab Keknis suka gilos makan dessert/ <b>pencoci mulot</b> , jadi banyak sugar dalam badan.	Sebab Keknis suka <i>gilos</i> makan <i>dessert</i> / <b>pencuci mulut</b> , jadi banyak sugar dalam badan.

<http://inibelogsaya.blogspot.com/2013/04/tips-turunmaintain-berat-badan.html>

(Tips Turun/Maintain Berat Badan, 2013)

Menurut Nik Safiah Karim *et al.*, (2001:32), kesalahan ejaan umumnya berlaku disebabkan oleh tidak arif tentang peraturan Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Melayu. Hal ini kerana pengguna bahasa tidak mementingkan penggunaan bahasa yang betul sehingga menyukarkan pemahaman seseorang. Terdapat kesalahan ejaan penggunaan kata majmuk (data 23) *pencoci mulot* dalam ayat di atas. Ejaan bagi perkataan itu ialah *pencuci mulut* yang membawa makna hidangan yang disediakan selepas menikmati hidangan berat. Pencuci mulut juga merupakan makanan yang manis seperti buah-buahan, kek dan sebagainya. Kata majmuk ini merupakan bentuk kata yang wujud apabila dua kata dasar atau lebih dirangkaikan menjadi satu kesatuan sintaksis yang membawa makna tertentu (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2011:48).

**Bentuk kata ganda**

Kata ganda ialah bentuk kata yang dihasilkan dengan menggandakan atau mengulangi kata dasar sama ada kata ganda diulang secara keseluruhan atau bahagian-bahagian tertentu dan dengan imbuhan atau tanpa imbuhan. Proses penggandaan dalam bahasa Melayu merupakan proses yang menggandakan kata dasar. Kata dasar boleh mengalami penggandaan penuh atau penggandaan separa dan secara berentak (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2011:241).

Data 24

Kesalahan	Seharusnya
semua jenis <i>sakit kesakitan</i> yang berkaitan dengan perut lahh haku duk terbayang sorang2.	semua jenis <i>kesakitan</i> yang berkaitan dengan perutlah aku duk terbayang sorang2.

[http://nameeroslan.blogspot.com/2013\\_12\\_01\\_archive.html](http://nameeroslan.blogspot.com/2013_12_01_archive.html)

(The Labour Story: Mini Contractions, 2013)

Aini (2007) mengatakan bahawa teori analisis kesalahan menggunakan pendekatan dengan cara mengenal pasti kesalahan dan mengkategorikan kesalahan bagi melakukan pembetulan terhadap kesalahan tersebut. Justeru itu, dalam ayat di atas (data 24) terdapat kesalahan kata ganda *sakit kesakitan* dalam ayat penyata. Imbuan yang sepatutnya digunakan ialah imbuan apitan *ke-...-an* bagi merujuk perkataan kesakitan sudah cukup untuk menjelaskan bahawa seseorang mengalami kesakitan. Tidak perlu perkataan *sakit* sebelum perkataan *kesakitan* kerana akan menunjukkan makna yang jamak. Tidak terdapat kata ganda *sakit kesakitan* dalam bentuk kata ganda. Hal ini kerana proses penggandaan ialah proses yang menggandakan kata dasar. Kata dasar boleh mengalami penggandaan penuh atau penggandaan separa, atau secara berentak (Tabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2011:76).

Data 25

Kesalahan	Seharusnya
Lepas tu terus la semua <i>nurse kelam kabut</i> buat kerja. Saya dah rasa macam ayam panggang dah time tu.	Lepas tu terus la semua <i>nurse kelam-kabut</i> buat kerja. Saya dah rasa macam ayam panggang dah time tu.

[http://nameeroslan.blogspot.com/2013\\_12\\_01\\_archive.html](http://nameeroslan.blogspot.com/2013_12_01_archive.html)

(The Labour Story: Mini Contractions, 2013)

Menurut Corder (1967), kesilapan dalam penulisan merupakan bukti tentang sifat proses, peraturan dan kategori yang digunakan oleh seseorang di peringkat tertentu. Sekiranya seseorang itu ingin mengkaji sistem bahasa

seseorang, maka penganalisis kesilapan bahasa perlu mendapatkan kunci sistem atau peraturan dalam bahasa yang digunakan. Terdapat kesalahan penggunaan kata ganda berentak kalam kabut yang tidak mempunyai tanda sempang dalam ayat di atas (data 25). Ejaan yang betul ialah kelam-kabut yang bermaksud tidak keruan, tidak tentu arah, kacau-bilau. *Kelam-kabut* merupakan penggandaan berentak kata adjektif yang terhasil daripada perulangan kata dasar berasaskan rentak bunyi tertentu dalam kata dasar (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2011:241).

Data 26

Kesalahan	Seharusnya
<i>..kadang i</i> hampir tak kisah dah pasal benda ni.	<i>..kadang-kadang i</i> hampir tak kisah dah pasal benda ni.

<http://peliks.blogspot.com/2014/04/jannah.html>

(Jannah, 2012)

Abdullah Hassan (2005:120) menegaskan morfem terikat mesti digunakan bersama sekurang-kurangnya satu morfem lain. Beliau turut menyatakan bahawa kata akar anai juga merupakan morfem terikat. Hal ini kerana kata anai tidak boleh wujud sendiri jika tidak digandakan menjadi anai-anai. Justeru, penggunaan kata kadang-kadang juga merupakan morfem terikat kerana tidak dapat berdiri sendiri tanpa digandakan. Kesalahan ayat di atas (data 26) ialah kesalahan penggunaan kata ganda kadang. Kekadang merujuk kepada kata ganda kadang-kadang. Hal ini kerana kadang-kadang merupakan penggandaan penuh, iaitu proses yang menggandakan keseluruhan kata dasar sama ada kata dasar itu mengandungi imbuan ataupun tidak (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2011:76).

**Kesimpulan**

Kesalahan berbahasa merupakan penggunaan bahasa yang menyimpang dari kaedah dan pembentukan kata dalam bahasa. Kesalahan bahasa diklasifikasikan berdasarkan komponen linguistik. Analisis kesalahan bahasa adalah

satu prosedur kerja yang biasa diteliti oleh pengkaji bahasa dan pihak yang mementingkan penggunaan bahasa Melayu dengan betul. Analisis yang dilakukan dengan mengumpul data kesalahan bahasa dengan mengenal pasti kesalahan yang terdapat dalam data, menjelaskan kesalahan tersebut dan melakukan penambahbaikan. Kesalahan yang dilihat adalah penggunaan bahasa Melayu dari aspek morfologi. Morfologi merupakan bidang ilmu bahasa yang mengkaji perkataan dari bentuk, struktur dan penggolongan kata (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2011:43).

Justeru itu, bahasa Melayu haruslah menjadi kewajiban semua masyarakat untuk menguasainya dan masyarakat haruslah memandang serius terhadap masalah kecelaruan bahasa sekiranya masalah ini tidak dibendung. Masyarakat haruslah mengambil sikap mengambil berat dan tidak memandang sesuatu perkara itu dengan remah. Justeru, penulis blog haruslah bersama-sama masyarakat dalam menjayakan misi menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang berjaya dan mampu menunjukkan jati bangsa orang Melayu dan orang Malaysia.

### **Implikasi Kajian**

Disiplin morfologi mencakupi kata terbitan, pengimbuhan, pemajmukan, dan penggandaan. Justeru, adalah menjadi kepentingan dan kewajiban kita dalam memelihara bahasa Melayu dari kesalahan yang akan merosakkan bahasa itu sendiri. Selain dapat memastikan penggunaan bahasa Melayu yang lebih tepat, berkesan dan cekap, disiplin morfologi ini merupakan tunjang utama dalam linguistik yang terdiri daripada fonologi, sintaksis, semantik dan morfologi. Tanpa pengetahuan tentang morfologi, penggunaan bahasa Melayu tidak dapat digunakan dengan baik. Hal ini kerana penggunaan bahasa yang betul mendatangkan kebaikan atau manfaat kepada masyarakat, iaitu rakyat Malaysia itu sendiri supaya masyarakat dipandang tinggi oleh masyarakat luar negara. Bahasa Melayu juga akan terus terpelihara oleh penuturnya dan bahasa Melayu juga akan

mempunyai nilai ekonomi dan bersifat ilmiah. Pelajar juga tidak terkeliru dengan penggunaan bahasa yang salah sekiranya bahasa Melayu terus menepati aspek tatabahasanya. Justeru, kajian ini dilakukan bagi menekankan kepentingan penggunaan bahasa yang betul lebih-lebih lagi dalam morfologi.

### **Cadangan**

Kajian lain yang boleh dibuat oleh pengkaji seterusnya yang berkaitan dengan morfologi ialah seperti penggunaan bahasa dalam laman sesawang lain seperti *twitter*, *facebook*, *instagram*, *youtube* dan sebagainya. Tambahan lagi, pengkaji seterusnya boleh juga mengkaji dari sumber lain seperti majalah, televisyen, komik, surat khabar dan sebagainya. Pengkaji juga menyarankan agar ada sarjana atau pakar-pakar bahasa Melayu yang berminat untuk mengkaji dengan lebih dalam tentang penggolongan kata terutamanya tentang masalah kesalahan bahasa yang dilakukan oleh masyarakat. Sebagai pengguna bahasa Melayu, amat penting untuk memandang serius mengenai penggunaan bahasa Melayu yang salah dan mengetahui disiplin yang terdapat dalam morfologi agar bahasa Melayu terus dipelihara dan mempunyai nilai yang tersendiri.

### **Rujukan**

- Abdullah Hassan (1987). *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Cetakan Kelapan. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Abdullah Hassan. (1989). *Isu-isu Perancangan Bahasa Pengintelektualan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (2005). *Linguistik Am*. Kuala Lumpur: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Ghalib Yunus. (1995). *Kesalahan Bahasa: Apakah Tindakan Guru?* Pelita Bahasa.
- Aini Haji Karim. (2007). Analisis Kontrastif dan Analisis Kesalahan Bahasa: Antara Hipotesis dan realiti. Prosiding Seminar

- Tahunan Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik II (SETALING), 2, 212-225.
- Arbaie Sujud & Normaliza Abd Rahim. (2013). Learning through Blogging. *Australian Journal of Basic & Applied Sciences*, 7(1): 191-198, 1991-8178.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh. (1981). *Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Mohamad Amin. (1989). *Tulisan Jawi ke arah Penggunaan Yang Lebih Meluas dan Berkesan*. Jurnal Dewan Bahasa.
- Awang Sariyan. (1980). *Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia Edisi Permulaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (1996). *Warna dan Suasana Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bloomfield, L. (1962). *The Menomini Language*. New Haven: Yale University Press.
- Blood, R. (2002). *The Weblog Handbook: Practical Advice on Creating and Maintaining Your Blog*. Cambridge: Perseus Publishing.
- Burt & Kiparsky. (1972). *The Gooficon*. Rowley. Mass: Newbury House.
- Corder, S. P. (1967). *The Significance of Learners' Errors*. International Review of Applied Linguistics.
- Corder, S. P. (1973). *Introducing Applied Linguistics*. Pelican Books.
- Corder, S. P. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford University Press.
- Erdogan, V. (2005). Contribution of Error Analysis to Foreign Language Teaching. *Mersin University Journal of the Faculty of Education*, 1(2): 261-270.
- Gray, L. (2014). *What Is a Blog and How Do I Use It?* Britannica Educational Publishing.
- Jais Sahok. (1991). "Menguasai Sistem Jamak dalam Bahasa Melayu" *dlm. Pelita Bahasa*. 5(2): 184-197.
- Kamarudin Hj. Husin, Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, Arb'ie Sujud. (1997). *Pengajian Melayu 1: (Ilmu Bahasa dan Kecekapan Berbahasa)*. Selangor: L.C. Marketing.
- Koh Boh Boon. (1981). *Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Mohd. Daud Yusuf. (1990). Penguasaan Bm Baku di Kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan Dua (KBSM): Satu Kajian Kes di Maktab Sultan Ismail Kota Bharu, Kelantan. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nawi Ismail. (1996). "Kesalahan Ejaan: Suatu Permasalahan yang Tidak Berkesudahan" *dlm. Jurnal Dewan Bahasa*, 40 (3) : 39-44.
- Nik Safiah Karim. (1978). *Bahasa Melayu Syntax*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1980). *Bahasa Melayu: Teori dan Aplikasinya*. Sarjana Enterprise.
- Nik Safiah Karim. (2001). *Bahasa Melayu Kertas 2*. Selangor: Fajar Bakti.
- Nik Safiah Karim. (2003). *Bimbingan Pelajar Bahasa Kita Jilid 2*. Selangor Darul Ehsan: Cerdik Publications Sdn Bhd.
- Nik Safiah Karim, Farid M. On, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2004). *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. On, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2011). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nina Amir. (2012). *How to Blog a Book: Write, Publish, and Promote Your Work One Post at a Time*. Writer's Digest Books.
- Noreshah, Md. Nor Abd. Ghani, Ibrahim Ahmad, Azizah Supardi, Aziah Tajudin, Salmah Jabar, Hairani Khalid, Rodziah Abdullah. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Normaliza Abd Rahim. (2014). *Learning through Blog Writing: Embracing the Technology*. Terengganu: Penerbit UMT.
- Ramlan, M. (1987). *Morfologi: Suatu Tinjauan Deskriptif*. Yogyakarta: Karyono.
- Ramli Md Salleh et al., (1997). *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Richards, J. C. (1971). *A Non-contrastive Approach to Error Analysis*. Richards, J.C. (ed). *Error Analysis*. London: Longman.
- Sharma, S. K. (1981). "Error Analysis: Why and How?" dlm *Forum* 19 :3 Julai Hlm. 21-25.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (1996). *Tatabahasa Bahasa Melayu (Perkataan)*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Tarigan, Henry. G. (2011). *Pengajaran Analisis Kesalahan Berbahasa*. Bandung: Angkasa Bandung.
- Webber, R. D. (1981). "A Practical Design for Identifying and Classifying Language-Learning Errors" dlm. *Forum*XIX (4).
- Yahya Othman, Roselan Baki & Naapie Mat. (2009). *Pemeriksaan Pendidikan Bahasa Melayu dari Teori ke Praktik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.